

MPAJ arah henti kerja pembinaan

bn 26/06

KUALA LUMPUR: Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengarahkan syarikat Daya Tenaga Muda menghentikan semua kerja pembinaan di Taman Zoo View and Ukay Bestari, yang terletak berhampiran kawasan kejadian tanah runtuh di Kampung Pasir, Hulu Klang.

Yang Dipertuanya, Datuk Ahmad Safii Saidin berkata MPAJ membentuk sebuah jawatankuasa teknikal bagi mengenal pasti punca kejadian yang mengorbankan dua nyawa, manakala dua lagi belum ditemui

"MPAJ mendapati pemaju gagal menyiapkan tembok penahan tanah mengikut masa yang ditetapkan iaitu tahun lalu. Tembok berkenaan hanya siap minggu lalu," katanya kepada pemberita ketika ditemui di tempat semalam.

Pada masa sama MPAJ mengarahkan pemaju memasang plastik untuk melindungi tebing runtuh bagi mengelakkan kejadian berulang terutama ketika hujan.

"Kita mengadakan mesyuarat dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), pejabat daerah,

pemaju dan juruperunding projek bagi mencari jalan menangani kejadian daripada berulang.

"Mesyuarat bersetuju menuhkan jawatankuasa kerja untuk menyiasat, sekali gus menyediakan laporan terperinci. Pada masa sama, jawatankuasa bersetuju mengambil tindakan segera," katanya.

Ahmad Shafii berkata, punca kejadian sudah dikenal pasti iaitu kegagalan air kumbahan dialirkan dengan sempurna.

"Ia disedari sejak dua tahun lalu dan tahun lalu semakin parah sehingga menyebabkan air bertakung dalam tanah hingga mengakibatkan tanah runtuh kelmarin.

"MPAJ cuba mencari alternatif lain menangani kegagalan air kumbahan yang tidak dialirkan sempurna itu," katanya.

Ditanya mengenai pampasan kepada mangsa, beliau berkata pembinaan rumah dibuat di atas tanah persendirian dan MPAJ tidak ada kuasa membayar pampasan.

"Bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan, MPAJ bersama agensi lain sedia membantu," katanya.